



Headline: Wang simpanan lesap ditipu sindiket Macau Language: Malay
Scam

Publication/Portal:

Section: Negara

Date: 14 December 2018

Page: 16

Wang simpanan lesap ditipu sindiket *Macau Scam*

KUALA LUMPUR - Seorang jururawat wanita berputih mata apabila wang simpanan hari tua berjumlah RM60,000 lesap ditipu sindiket penipuan Macau semalam.

Kejadian pada pukul 9.30 pagi berlaku selepas mangsa yang berusia lingkungan 50-an menerima panggilan telefon daripada ahli sindiket yang menyamar sebagai pegawai polis.

Panggilan itu kemudian disambungkan kepada seorang lelaki dikenali David Roy yang mendakwa pegawai sebuah bank di ibu negara.

Timbalan Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Deputy Superintendan Muhamad Najib Hamzah berkata, suspek memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan tiga bulan ke atas pinjaman peribadinya yang berjumlah

RM70,000.

“Mangsa pada mulanya menafikan membuat pinjaman bank sebelum suspek menyambungkan talian kepada individu lain yang mendakwa pegawai polis dari Seremban.

“Dalam perbualan itu, mangsa dipaksa memberikan butir peribadi dan diugut akan ditangkap serta dipenjarakan sekiranya gagal membuat pembayaran,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Suspek meminta mangsa membuat pembayaran sebagai syarat untuk melepaskan diri.

Mangsa kemudian pergi ke sebuah bank di Setiawangsa untuk membuat transaksi pemindahan wang sebelum menyedari ditipu selepas membuat pemindahan ke dalam akaun atas nama seorang lelaki berketurunan Melayu.



MUHAMAD NAJIB